

20/10/2003

318 pelumba hargai jasa Dr Mahathir di Genting

Zairee Zahir

SERAMAI 318 pelumba basikal tidak menghiraukan hujan renyai di puncak Genting Highlands dan menamatkan kayuhan mendaki sukar sebagai menghargai sumbangan dan jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Cabaran Genting, semalam.

Dalam kayuhan sejauh 30km bermula dari Batang Kali bagi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang bakal bersara 31 Oktober ini, pelumba kebangsaan yang mewakili Polis Diraja Malaysia (PDRM) Shahrizan Selamat menjadi pelumba pertama tiba menamatkan perlumbaan di Hotel New World.

Pelumba kelahiran Johor dan kali terakhir mewakili negara di Le Tour de Langkawi 2003 Januari lalu itu menamatkan kayuhan dengan masa sejam 25 minit 25.03 saat, di depan pelumba muda Melaka, Ng Yong Li (1j28:10.88s) dan pelumba kebangsaan Wong Ah Thiam (1j39.42.19s).

Dua pelumba Selangor dan kebangsaan, Yusuf Nasir dan Shahrulneeza Razali masing-masing menduduki tempat keempat dan kelima.

Kayuhan itu yang dianjurkan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) mendapat sambutan luar dugaan apabila ramai pelumba daripada pelbagai kategori usia mengambil bahagian termasuk jurulatih kebangsaan Ng Joo Ngan dan pelumba termuda berusia 11 tahun dari Salak Tinggi, Nur Anis Amanina Roslan.

Timbalan Presiden MNCF, Datuk Naim Mohamad ketika ditemui berkata, sambutan hangat di luar dugaan itu memberi dorongan buat badan induk berbasikal negara itu menjadikannya sebagai acara tahunan.

"Kita menjangkakan sekitar 200 pelumba tetapi ketika pendaftaran ditutup 15 minit sebelum berlepas, seramai 318 pelumba mengambil bahagian termasuk dari Terengganu, Johor dan penunggang sosial rakyat asing daripada pelbagai kelab di negara ini.

"Ini membuktikan ramai yang berminat dengan sukan ini dan tidak mahu melepaskan peluang untuk mengambil bahagian demi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang akan bersara kelak. Kita memilih 22 pelumba yang berhak menerima hadiah sempena tahun tempoh Dr Mahathir memegang tugas," katanya, semalam.

Sebaik peserta terakhir menamatkan kayuhan, wakil lembaga pengarah pengurusan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI), Datuk Seri Darshan Singh yang juga Presiden Konfederasi Berbasikal Asia (ACC), mengumumkan Anugerah Merit 2003 diberikan kepada Perdana Menteri sebagai menghargai sumbangannya terhadap sukan berbasikal di negara ini.

Perdana Menteri adalah ketua negara pertama diberi anugerah Merit UCI - anugerah tertinggi badan induk antarabangsa itu kerana sumbangan dan sokongan terhadap pembangunan serta perkembangan sukan berbasikal.

Semua 22 pelumba terbaik dalam kayuhan semalam berpeluang menghadiri majlis makan malam bersama Perdana Menteri sempena ulang tahun ke-50 penubuhan MNCF pada tarikh yang akan ditetapkan Jabatan Perdana Menteri.

Keputusan 22 terbaik:

1 Shahrizan Selamat; 2 Ng Yong Li; 3 Wong Ah Thiam; 4 Yusuf Nasir; 5 Shahrulneeza Razali; 6 Mohamed Azrul Hafiz; 7 Mahadzir Hamad; 8 Jasmin Ruslan; 9 Ahmad Falani Ali; 10 Amir Mustafa Rosli; 11 Sayuti Zahid; 12 Abdul Hakim Mohamed; 13 Musairi Musa; 14 Rizal Ramle; 15 Gary Chong; 16 Nur Umadi Rosdi; 17 Razif Salleh; 18 Fahmi Tajuddin; 19 Mohamed Arifin; 20 Lee Lip Fong; 21 Amirudin Jamaludin; 22 Mohamed Arif Shukri.